

JALINAN BAHASA:

PERANAN IBU BAPA DALAM MEMPERKASA PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DI PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH

Bahasa Melayu Sekolah Menengah



PUAN NUR'HANIM MOHAMED

PENYAMPAI 1

Berpengalaman 20 tahun dalam pendidikan, beliau terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan kurikulum serta program Bahasa Melayu peringkat menengah, termasuk EMAS dan MLEP. Beliau juga pernah mengajar Bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga di Sekolah Tinggi Perempuan Nanyang.

Penolong Pengarah Unit Bahasa Melayu (Menengah), Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum (CPDD), MOE



PUAN MAS RAFIDAH MOHAMED ALI

PENYAMPAI 2

Berpengalaman mengajar di Sekolah Menengah Commonwealth dan Institusi Raffles, beliau kini terlibat dalam perancangan kurikulum, pembangunan bahan pengajaran serta program EMAS dan MLEP bagi pelajar yang berminat dan berkebolehan dalam Bahasa Melayu.

Pegawai Pembangunan Sumber Unit Bahasa Melayu (Menengah), Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum (CPDD), MOE



OBJEKTIF



Pada akhir sesi ini, ibu bapa akan dapat:

- 01** Memahami tuntutan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah.
- 02** Mengenal pasti kemahiran utama yang dibangunkan dalam kurikulum Bahasa Melayu.
- 03** Mengetahui cara praktikal untuk menyokong anak di rumah.
- 04** Membina persekitaran bahasa yang positif, santai dan berterusan.

ISI KANDUNGAN

01

Profil Pelajar Sekolah Menengah

02

Kurikulum Bahasa Melayu di peringkat Sekolah Menengah

03

Peralihan ke Sekolah Menengah

04

Cabaran Pelajar

05

Peranan Ibu Bapa dan Strategi Praktikal untuk dicuba

06

Laluan dan Peluang mempelajari Bahasa Melayu

07

Refleksi dan Langkah Seterusnya

KONTEKS SEKOLAH MENENGAH HARI INI

Profil Pelajar Bahasa Melayu:

- Cara pembelajaran yang pelbagai
- Tahap kesediaan dan penguasaan awal dalam bahasa Melayu yang berbeza
- Minat dan keyakinan terhadap bahasa Melayu perlu dipertingkatkan atau dipupuk
- Kemajuan dalam penguasaan bahasa Melayu memerlukan proses pembelajaran yang berterusan

Laluan pembelajaran yang lebih anjal:

Mulai kohort Menengah 1 tahun 2024, sekolah menengah melaksanakan Pengumpulan Berdasarkan Subjek Penuh (FSBB). Pelajar ditempatkan melalui *Posting Groups* 1, 2 dan 3 (G1, G2, G3), dan mempunyai lebih fleksibiliti untuk memilih mata pelajaran pada tahap yang sesuai berdasarkan kekuatan dan keperluan pembelajaran mereka.

MATLAMAT KURIKULUM




Tiga teras utama pembelajaran Bahasa Melayu

Kurikulum Bahasa Melayu Peringkat Menengah bertujuan membangunkan pelajar sebagai pengguna bahasa yang aktif dan cekap melalui tiga objektif utama:

KOMUNIKASI	BUDAYA	HUBUNGAN
berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Melayu baku dari aspek ejaan, istilah, tatabahasa, laras dan sebutan dalam kehidupan	membina identiti melalui penghayatan yang mendalam tentang bahasa, budaya, tradisi, sastera dan sejarah	menjalin hubungan dengan masyarakat Nusantara dan dunia yang bertutur dalam bahasa atau mempraktikkan budaya Melayu



BAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU PERINGKAT MENENGAH



PAKEJ PENGAJARAN

PEMBUKA BICARA

Setiap unit dimulakan dengan Pembuka Bicara. Gunakanlah bahagian ini untuk berkongsi pengalaman kamu tentang topik-topik yang akan dibincangkan.



AKU INGIN BERTINDAK!

MENGORAK LANGKAH

BOLEHKAH KITA HIDUP SENDIRI?

BAHAGIAN

Terdapat tiga bahagian dalam setiap unit. Dalam setiap bahagian, kamu akan belajar menggunakan kemahiran-kemahiran bahasa seperti mendengar, bertutur, membaca, menulis, interaksi lisan atau penulisan berdasarkan konteks yang disediakan.



NOTA SISI

Pembelajaran Bahasa Melayu disokong dengan penyediaan kosa kata, panduan dan maklumat tambahan yang dapat memperkaya bahasa Melayu kamu.



EHWAL SEMASA

Bincangkan isu-isu yang berlaku di sekeliling kamu dan kaitkan dengan topik unit yang sedang kamu pelajari.



PERSURATAN

Luaskan pembacaan dengan membaca nukilan novel, cerpen, sajak atau pantun Melayu. Lanjutkanlah bacaan dengan merujuk karya asal di Internet, perpustakaan sekolah atau perpustakaan awam.

YANG DITUNTUT

Mengapakah penting bagi kita mengetahui hak dalam hidup bersempulak?

- 1. Menjelaskan idea nilai-nilai bersempulak yang penting bagi kita dalam kehidupan.
- 2. Menjelaskan idea nilai-nilai bersempulak yang penting bagi kita dalam kehidupan.
- 3. Menjelaskan idea nilai-nilai bersempulak yang penting bagi kita dalam kehidupan.

Pada akhir pelajaran, pelajar dapat:

- 1. Menjelaskan idea nilai-nilai bersempulak yang penting bagi kita dalam kehidupan.
- 2. Menjelaskan idea nilai-nilai bersempulak yang penting bagi kita dalam kehidupan.
- 3. Menjelaskan idea nilai-nilai bersempulak yang penting bagi kita dalam kehidupan.

Setelah selesai, pelajar dapat:

- 1. Menjelaskan idea nilai-nilai bersempulak yang penting bagi kita dalam kehidupan.
- 2. Menjelaskan idea nilai-nilai bersempulak yang penting bagi kita dalam kehidupan.
- 3. Menjelaskan idea nilai-nilai bersempulak yang penting bagi kita dalam kehidupan.

AKTIVITI

Pelbagai aktiviti bahasa disediakan di portal SLS dan Buku Aktiviti yang digunakan untuk membantu pembelajaran Bahasa Melayu.

HASIL PEMBELAJARAN

Kemahiran Bertutur

Peringkat Akhir Sekolah Menengah		
Di peringkat akhir sekolah menengah, pelajar akan berupaya menggunakan bahasa Melayu dalam fungsi-fungsi bahasa melalui kemahiran bertutur dengan penerangan yang berikut:		
Hasil Pembelajaran Umum	Hasil Pembelajaran Khusus	
2. Bertutur dengan fasih sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak	2.1	Bertutur dengan yakin, berkesan dan jelas
	2.2	Bertutur untuk menyampaikan sesuatu perkara
	2.3	Bertutur untuk menerangkan idea/pendapat/

Kemahiran Interaksi Penulisan dan Melihat

Peringkat Akhir Sekolah Menengah		
Di peringkat akhir sekolah menengah, pelajar akan berupaya menggunakan bahasa Melayu dalam fungsi-fungsi bahasa melalui kemahiran interaksi penulisan dan melihat dengan penerangan yang berikut:		
Hasil Pembelajaran Umum		Hasil Pembelajaran Khusus
6. Berinteraksi melalui penulisan (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) dengan jelas dan berkesan untuk memberikan respons yang sesuai mengikut konteks, tujuan dan khalayak	6.1	Bertukar-tukar fakta dan maklumat tentang sesuatu perkara secara bertulis (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya)
	6.2	Bertukar-tukar idea/pendapat/pandangan tentang sesuatu perkara secara bertulis (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya)

- Hasil Pembelajaran Bahasa Melayu berdasarkan 6 kemahiran
- Dalam penggunaan bahasa, pelajar haruslah berupaya menunjukkan beberapa kemahiran bahasa dan beberapa fungsi bahasa dalam sesebuah konteks atau peristiwa.





ENAM KEMAHIRAN BAHASA

01

Mendengar

Memahami perbualan, video dan maklumat lisan.

02

Bertutur

Menyampaikan pandangan, pengalaman dan respons dengan yakin.

03

Membaca

Memahami teks, cerita, artikel, bahan autentik dan maklumat tersirat.

04

Menulis

Menulis mengikut tujuan, konteks dan khalayak.

05

Interaksi Lisan


Berbual, berbincang dan memberi respons secara spontan.

06

Interaksi Penulisan

Berkomunikasi melalui mesej, e-mel, forum, respons dan penulisan digital.

CIRI-CIRI KURIKULUM BAHASA MELAYU - SEKOLAH MENENGAH



1. Budaya

- Memupuk pengetahuan dan penghargaan terhadap budaya
- Membina kesedaran dan kepekaan silang budaya




- Mendedahkan pelajar kepada seni, bahasa, nilai dan warisan budaya
- Menghubungkan pembelajaran dengan pengalaman hidup, masyarakat dan isu semasa

PENERAPAN PENGETAHUAN, BUDAYA DAN NILAI



CIRI-CIRI KURIKULUM BAHASA MELAYU - SEKOLAH MENENGAH



2.Ehwal Semasa

- Membentuk pelajar yang prihatin dan peka terhadap perkembangan dunia
- Menggunakan konteks dan bahan yang autentik

- Membaca dan membincangkan isu semasa melalui pelbagai media



PEMBACAAN DAN PERBINCANGAN TENTANG EHWAL SEMASA



EHWAL SEMASA

Sikap manusia yang sambil lewa telah membawa kesan kepada alam sekitar kita. Adakah perkara ini masih berlaku? Mengapa?

Tak habis makan, tak mengapalah.



786,600 tan sisa makanan
Sama beratnya dengan
52,000 bas dua tingkat

Bungkus sahaja.
Hanya perlu bayar
dua puluh sen.



Satu pertiga
sampah di Singapura
merupakan bungkus plastik

Bagaimanakah
kita memainkan
peranan dan
menyumbang
kepada alam
sekitar?

Apakah Pelan Hijau Singapura 2030?

Wah, ada versi baharu!
Hm... nak tukar telefon
bimbit akulah.



Sudah rosak.
Ganti baharu sahaja.

60,000 tan sampah
elektronik dalam setahun!
Seolah-olah setiap warga
Singapura membuang
73 buah telefon bimbit
setiap tahun

EHWAL SEMASA

Banyak golongan usahawan muda yang mencipta makanan lakuran dengan mengambil kira **elemen**-elemen tradisional. Apakah pandangan kamu?

Tulis pandangan kamu
dalam Buku Aktiviti.



Susi Rendang



Sate Susu Keju



Ayam Rendang



Burger Nasi Lemak

CETUS KATA
elemen
- ciri-ciri sesuatu

**LATIHAN BUKU
AKTIVITI**
Lengkapkan latihan
dalam halaman 10.

EHWAL SEMASA

Perhatikan gelagat orang-orang dalam gambar berikut. Seliranya hal ini berlaku dalam keluarga atau dengan kenalan, apakah yang akan berlaku jika mereka tidak bertegur sapa dan berbual antara satu sama lain? Adakah perkara ini akan berterusan?


Gunakan Panduan Berfikir Secara Kritis di bawah untuk memberikan pandangan kamu.



**LATIHAN BUKU
AKTIVITI**
Lengkapkan latihan
dalam halaman 22.



CIRI-CIRI KURIKULUM BAHASA MELAYU - SEKOLAH MENENGAH



3.Sastera

- Memupuk minat membaca dan merangsang imaginasi pelajar
- Memperkaya pengalaman pembelajaran Bahasa Melayu

- Menggunakan teks sastera yang sesuai dengan tahap pelajar



PENDEDAHAN DAN KETERLIBATAN PELAJAR DENGAN TEKS SASTERA

SASTERA

Baca nukilan cerpen 'Ginjal' yang menceritakan pengorbanan penulis buat adiknya.

Ginjal

Nasib baik kami masih ada Ibu. Beliaulah yang sering **mendampingi** Adik hospital sementara aku keluar mencari rezeki untuk **menampung** keluarga. Aku perlu bekerja keras bagi mendapatkan wang untuk membayar bil hospital adik. Aku tidak boleh mengadu **letih**! Tidak boleh sama sekali!

Aku habiskan masaku bekerja demi **menyara** Adik dan ibunya. Beberapa l berbulan namun adikku masih juga tidak beransur **pulih**. Keadaannya semu **memburuk**. Doktor masih belum menemukan ginjal yang sesuai untuknya. Haru berat melihat penderitaan Adik. Fikiranku buntu. Terkadang hidup ini sangat ti adil. Kenapa nasibku sebegini?

Di saat itulah aku teringat pada kata-kata arwah Ayah. "Jangan per sesekali berputus asa. Setiap cabaran pasti ada **berkat** di sebalikinya."

Hanya ada satu sahaja cara untuk menyelamatkan Adik. Ya. Aku yakin.

Aku membuat keputusan untuk menjadi seorang penderma. Lina ti harus menderita lagi. Cukuplah segala kesakitan yang dirasainya selama ini. sanggup **berkorban** untukmu Dik.

Positif. Itulah keputusan yang dinyatakan doktor hasil daripada ujian ginjal. Tiada siapa yang tahu betapa lega, gembira dan bersyukur aku ketika Ginjaliku dapat membantu Lina untuk menjalani hidup seperti orang biasa. Ginjal rupa-rupanya satu anugerah yang menjadi penyelamat Lina.

(Diperik daripada cerpen 'Ginjal' oleh Nazrudin Abdul B dalam antologi cerpen 'Rahsia', 2017, terbitan M)



PERSURATAN

Baca sajak yang berikut dan berikan respons kamu.

Harus Bagaimana

Oleh Alang Budiman

harus bagaimana aku peduli
pada selautan kata-kata

yang tersimpul dan diikat mati
yang disusun sebagai **temali** janji
tetapi dibiarkan kusut dan tidak dipedul
walau dinyatakan itu suara hati

harus bagaimana aku peduli
pada **gumpalan** kata-kata
yang engkau biar menjadi **longgokan** sisa
segunung tidak bererti

harus bagaimana aku peduli
pada selautan kata-kata
yang lahir sepenuh jiwa
tetapi **hambur** dan kosong

harus bagaimana aku peduli
pada selautan kata-kata
yang berbekal harapan
tetapi **digelangi logamaya**
dalam terik perjalanan
aku mencari redup kehidupan



(Chairul Fahmy Hussaini, 2019, 'Harus Bagaimana' dalam Sekata Jurnal Bahasa dan Persuratan, Laman Majlis <https://www.languagecouncils.sg/mbms/en/-/media/mlc/documents/sekata-2019/final-master---sekata-articles---6>)

➤ Menunjukkan sikap peduli tidak semestinya dengan perbuatan dan tindakan sahaja. Kita boleh menunjukkan sikap peduli terhadap seseorang melalui tutur kata. Namun, kata-kata yang disampaikan itu haruslah kata-kata yang ikhlas.

Baca sajak 'Harus Bagaimana' sekali lagi. Teliti soalan berikut:

1 Setujukah kamu dengan pandangan penulis bahawa kata-kata yang disampaikan kepadanya tidak ikhlas? Jelaskan.

2 Apakah dua baris ayat yang diberikan oleh penulis untuk menyokong pandangannya?

SASTERA

Bacalah petikan cerpen di bawah ini dan bincangkan kaitannya dengan cabaran yang dihadapi oleh Haikal.

Tika Aksara Menari

"Cikgu tengok, Syuaib suka lukis gambar bunga."

Aku mengangguk.

"Dan, Syuaib perasan tak? Makin lama, lukisan Syuaib makin baik. Tengok. Di dahan ini ada **lentok**. Di daunnya pula, ada urat. Bagus!"

Aku mendiamkan diri. Mataku masih **tertumpu** pada lukisan yang sedang aku usahakan.

"Tapi, Cikgu tengok, bunga Syuaib tak berubah. Selalunya dilukis ke satu arah. Cara Syuaib lukis pun sama."

Aku mengangguk lagi.

Kenapa?

"Bunga mawar mesti warna merah."

"Tapi saya tak **wajibkan** awak gunakan warna merah."

"Bunga mawar mesti warna merah. Jadi saya boleh jadi pandai."

Cikgu Liza berasa hairan. Dia duduk di sebelah lalu mengambil pensel warna di gengaman aku dan meletakkannya di atas meja. Kemudian dia memegang kedua-dua belah tangan aku.

"Kenapa Syuaib cakap macam tu?"

"Sebab saya bodoh, Cikgu. Saya tak nak jadi bodoh lagi."

Aku melihat lantai. Sejenak kemudian, butiran air mata mengalir **lesu**. Mungkin dek **terbeban** cemuhan demi cemuhan yang ditanggungnya selama ini.

"Syuaib..."

Aku melihat wajah Cikgu Liza. Dia juga sedang menangis. Dia membelai rambut aku sebagaimana yang pernah Abah lakukan satu masa dahulu. Dan pada ketika itu, aku berasa lega. Lega kerana ada juga orang yang masih sudi membelai rambut orang bodoh seperti aku.

Sejak detik itu, aku akan pulang ke rumah lewat setiap hari. Cikgu Liza telah membantu aku membaca. Perlahan-lahan, segalanya menjadi lebih jelas.

(Diperik daripada cerpen 'Tika Aksara Menari' oleh Djohan Abdul Rahman.)

CETUS KATA

lentok

- sesuatu yang terkulai

tertumpu

- diberikan perhatian

wajibkan

- mestikan

lesu

- lemah

terbeban

- mengalami kesusahan sesuatu yang amat berat

KENALI SASTERA

Bacalah cerpen 'Tika Aksara Menari' oleh Djohan Abdul Rahman dalam buku 'Tika Aksara Menari'.

LATIHAN BUKU AKTIVITI

Lengkapkan latihan dalam halaman 33 dan 34.



➤ Apakah persamaan cabaran yang dihadapi oleh Syuaib dalam cerpen ini dengan cabaran yang dihadapi oleh Haikal?

Tulis sebuah renungan jurnal tentang pengalaman CCA kamu. Gunakan Tip Menulis Jurnal di bawah ini untuk membantu kamu.

Tip Menulis Jurnal

1 Tentukan topik penulisan.


3 Kongsiikan perasaan yang

4 Catatkan cara mengatasi cabaran

5 Tuliskan pengajaran yang diraih dan

CIRI-CIRI KURIKULUM BAHASA MELAYU - SEKOLAH MENENGAH

4. Teknologi



- Memanfaatkan teknologi untuk memperkaya pengalaman pembelajaran
- Menggalakkan komunikasi dan kolaborasi

- Menggunakan bahan interaktif yang menjadikan pembelajaran lebih menyenangkan dan bermakna



MEMANFAATKAN TEKNOLOGI DALAM PEBELAJARAN



SLS MOE LIBRARY [Men 1] G2 Unit 8 Bahagian 2: Video 'Peta Empati' Mas Rafidah Binte Mohamed Ali

You're in the Module View mode

Tonton Video Optional

Tonton video 'Peta Empati'

Sewaktu menonton video tersebut, fikirkan soalan-soalan ini:

1. Bolehkah saya menceritakan semula pengalaman Ammar dan Syakilah bersama Puan Lim?
2. Bagaimanakah pemerhatian terhadap Puan Lim membantu mereka mengisi Peta Empati?
3. Bolehkan saya melakukan perkara yang sama?

[Read Less](#)

Help us improve

SLS MOE LIBRARY Permainan Digital JATi Men 1B Bahagian 1 Mas Rafidah Binte Mohamed Ali

You're in the Module View mode

Permainan Digital JATi Men 1B Bahagian 1

ABDULLAH AHMAD
PAKAR PEMULIHAN SEMI

Learning Outcomes

Help us improve

TOP
HELP

PERALIHAN KE SEKOLAH MENENGAH

Bahasa Melayu dalam Kehidupan

1 Menggunakan bahasa dengan lebih yakin dan tepat

2 Membaca dan memahami pelbagai teks

3 Menyampaikan pandangan dengan alasan yang jelas

4 Menulis mengikut tujuan dan khalayak

5 Bertikir secara kritis tentang isu semasa

6 Menghayati budaya, nilai dan identiti sebagai warga Singapura yang berdwibahasa



CABARAN PELAJAR

Antara cabaran yang sering dihadapi:

- Kurang menggunakan bahasa Melayu dalam perbualan harian
- Lebih selesa berfikir dan menjawab dalam bahasa Inggeris
- Kosa kata bahasa Melayu yang terhad
- Takut membuat kesalahan ketika bertutur
- Kurang membaca bahan bahasa Melayu
- Menganggap bahasa Melayu hanya untuk tugas sekolah atau peperiksaan
- Bahasa Melayu dianggap “tidak penting” subjek-subjek lain

PERANAN IBU BAPA

Ibu bapa boleh membantu dengan menjadi:

Model Bahasa

Menggunakan Bahasa Melayu dalam situasi harian, walaupun secara ringkas.

Rakan Berbual

Memberi ruang untuk anak menyatakan pendapat dan pengalaman.

Penyokong Bacaan

Memperkenalkan bahan bacaan yang sesuai dengan minat anak.

Penghubung Budaya

Mengaitkan bahasa dengan keluarga, makanan, adat, cerita dan pengalaman.

Pemberi Galakan

Menghargai usaha, bukan hanya markah atau keputusan.

BAHASA MELAYU SEBAHAGIAN DARIPADA RUTIN

MULAKAN DENGAN PERKARA KECIL

Strategi 1

Contoh amalan mudah:

- Gunakan bahasa Melayu semasa makan malam
- Tanya satu soalan harian dalam bahasa Melayu
- Minta anak ceritakan semula perkara menarik di sekolah
- Gunakan peribahasa atau ungkapan Melayu secara santai
- Beri peluang anak menjelaskan pendapat tanpa terlalu cepat membetulkan

BINA MINAT MEMBACA

Strategi 2

Bahan bacaan boleh merangkumi:

- Artikel berita dalam Berita Harian atau Berita Mediacorp boleh diakses oleh pelajar melalui langganan sedia ada
- Cerpen, novel
- Komik
- Poster, risalah dan infografik
- Lirik lagu yang sesuai
- Ulasan filem, makanan atau tempat menarik
- Bahan digital yang bermutu

BAHASA MELAYU SEBAHAGAN DARIPADA RUTIN

LUASKAN PENDEDAHAN BAHASA

Strategi 3

Pendedahan menerusi:

- Mendengar audio siar dalam bahasa Melayu
- Melibatkan diri dalam aktiviti budaya Melayu dan kemasyarakatan
- Lawatan ke pameran atau acara bahasa Melayu
- Aktiviti sekolah seperti pertandingan bahasa, sastera dan budaya



LANGBUDDY

SOKONG PEMBELAJARAN KENDIRI

Strategi 4

Baik untuk pelajar meraih kemahiran mengurus pembelajaran sendiri tetapi ibu bapa boleh membantu dengan:

- Menetapkan masa ulang kaji bahasa Melayu setiap minggu
- Menggalakkan pelajar menyimpan senarai kosa kata baharu
- Menggalakkan pelajar untuk menerangkan semula isi pelajaran secara ringkas
- Menggalakkan penggunaan kamus, bahan rujukan dan aplikasi pembelajaran seperti **LangBuddy**.

LALUAN DAN PELUANG DALAM BAHASA MELAYU

Nilai dan peluang dalam Bahasa Melayu - mendorong remaja untuk terus menguasainya.

Bahasa Melayu membuka ruang pengembangan bakat

- Bagi pelajar yang menunjukkan minat dan keupayaan yang lebih tinggi, terdapat peluang untuk memperdalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Bahasa Melayu Lanjutan

- Untuk pelajar yang mempunyai keupayaan dan minat yang kuat dalam Bahasa Melayu.

Program EMAS (Elective Programme in Malay Language for Secondary Schools) -

Sekolah Menengah Anderson, Sekolah Tinggi Pemerintah Bukit Panjang, Institusi Raffles dan Sekolah Menengah Tanjong Katong

- Program pengayaan bahasa dan budaya Melayu selama 4 tahun yang ditawarkan untuk pelajar sekolah menengah, khususnya bagi pelajar yang mengambil subjek Bahasa Melayu Lanjutan.

LALUAN DAN PELUANG DALAM BAHASA MELAYU

Nilai dan peluang dalam Bahasa Melayu - mendorong remaja untuk terus menguasainya.

Malay Language Elective Programme at Secondary Level (MLEP-Sec) -

Sekolah Menengah Anderson, Sekolah Tinggi Pemerintah Bukit Panjang dan Sekolah Menengah Tanjong Katong

- Program dua tahun di sekolah menengah terpilih untuk pelajar yang mempunyai minat dan kebolehan dalam Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu. Mereka boleh melanjutkan program ini di peringkat maktab rendah.


Malay Language Elective Scholarship (MLES)

- Biasiswa yang dianugerahkan kepada pelajar Menengah 3 yang diterima masuk ke MLEP-Sec.

Aktiviti Bahasa dan Budaya

- Pertandingan, perkhemahan bahasa, program kesusasteraan, aktiviti budaya dan peluang pembelajaran di luar bilik darjah.

PENUTUP



Jalinan Bahasa Bermula di Rumah


Apabila sekolah, rumah dan masyarakat saling menyokong, diharapkan pelajar-pelajar akan:

- Lebih berminat untuk membaca
- Bertutur dengan yakin
- Menulis dengan jelas
- Mengapresiasi budaya
- Menggunakan bahasa Melayu secara yakin dan tekak.

PERTANYAAN

Q

A



TERIMA KASIH

